



TEKS UCAPAN

**YANG BERTHORMAT MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA BERSEMPENA
MAJLIS SAMBUTAN TAHUN BARU CINA LEMBAGA PELABUHAN KELANG
(LPK) 2025 DAN PELUNCURAN MALAYSIA MARITIME SINGLE WINDOW(MSW)**

Pelabuhan Klang

17 Februari 2025 (Isnin)

Terima kasih saudara dan saudari pengerusi majlis,

- a. Yang Berusaha **Tuan Ean Yong Hian Wah**, Pengerusi Lembaga Pelabuhan Kelang,
- b. YBhg. **Dato' Normah Osman**, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), Kementerian Pengangkutan,
- c. Ybrs. **Dr. Nor Fuad Abdul Hamid**, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan), Kementerian Pengangkutan,
- d. Yang Berusaha **Capt. K. Subramaniam**, Pengurus Besar Lembaga Pelabuhan Kelang,
- e. Barisan Ahli-ahli Jemaah Lembaga dan Ahli-Ahli Lembaga Pengarah, Lembaga Pelabuhan Kelang dan Port Klang Free Zone;
- f. Tan Sri-Tan Sri, Datuk-Datuk, wakil-wakil dari agensi kerajaan, pemain-pemain Industri dan para hadirin yang dikasihi sekalian.

Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani,

1. Terlebih dahulu, saya ingin menzahirkan rasa berbesar hati merasmikan Majlis Sambutan Tahun Baru Cina 2025 Lembaga Pelabuhan Kelang dan Peluncuran Malaysia Maritime Single Window (MMSW) pada hari ini, sekaligus memberi peluang kepada saya untuk sekali lagi menyantuni komuniti pelabuhan di Pelabuhan Klang.
2. Tahun 2024 telah menjadi tahun yang cemerlang bagi industri pelabuhan dan maritim Malaysia. Dari segi pengendalian kontena, Malaysia mencatatkan jumlah keseluruhan sebanyak 30.68 juta TEUs, iaitu peningkatan sebanyak 8.6% berbanding tahun 2023.
3. Saya mengambil kesempatan ini untuk juga berkongsi kegembiraan saya dengan pencapaian cemerlang Pelabuhan Klang bagi tahun 2024. Walau berdepan dengan keadaan ekonomi global yang tidak menentu, Pelabuhan Klang telah berjaya meningkatkan kendalian kontena sepanjang tahun lepas.
4. Pelabuhan Klang telah mengendalikan 14.64 juta TEUs bersamaan 4.5% kenaikan berbanding tahun 2023, yang menyumbang sekitar 47.7% daripada jumlah keseluruhan pengendalian kontena di Malaysia. Ini adalah pencapaian tertinggi dan bersejarah di Pelabuhan Klang sejak pelabuhan memulakan operasi kontena pada tahun 1973. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada LPK dan kedua-dua terminal, Northport dan Westports serta pemain-pemain industri logistik. Ini menunjukkan Pelabuhan Klang terus memainkan peranan penting sebagai hab logistik serantau, dengan rangkaian perkapalan yang diperkukuh ke destinasi utama di seluruh dunia.
5. Saya juga difahamkan besar kemungkinan kedudukan (ranking) Pelabuhan Klang di Liga Pelabuhan Kontena sedunia akan naik ke tempat ke-10. Walaupun ranking rasmi hanya akan diumumkan dalam beberapa bulan lagi, difahamkan pesaing lain seperti Rotterdam dan Hong Kong telah mengumumkan pengendalian kontena yang kurang daripada Pelabuhan Klang. Selain daripada Pelabuhan Klang, Pelabuhan Tanjung Pelepas juga dijangka akan meningkat ke tempat ke-13 selepas mencatatkan pengendalian 12.2 juta TEUs pada tahun 2024.

6. Bagi tahun 2025, saya dimaklumkan bahawa Pelabuhan Klang menyasarkan peningkatan kontena sebanyak 2.3% iaitu bersamaan jumlah kendalian 15 juta TEUs. Sasaran ini disokong melalui pertumbuhan positif ekonomi domestik, pembangunan projek-projek infrastruktur, pertumbuhan kargo melalui sektor pembuatan dan logistik dan dasar-dasar kerajaan yang lebih mesra perdagangan terutama sekali dalam sektor logistik.

Hadirin sekalian,

7. Kerajaan sentiasa memberi tumpuan kepada pembangunan infrastruktur pengangkutan dan logistik yang merupakan saluran utama perdagangan negara agar dapat merencanakan aktiviti perdagangan dan menarik lebih banyak pelabur dan pelancong.

8. Dalam hal ini, YAB Perdana Menteri semasa ucapan pembentangan Belanjawan Negara bagi tahun 2025 pada 18 Oktober 2024 telah memperuntukkan sebanyak RM107 juta bagi membina dan menaik taraf Jalan Lingkaran Pulau Indah dan Pelabuhan Utara.

9. Kerajaan turut menggalakkan syarikat logistik menjalankan aktiviti sebagai Kompleks Logistik Pintar (Smart Logistics Centre) di mana Elaun Cukai Pelaburan sebanyak 60% bagi tempoh lima tahun diberikan bagi meningkatkan kapasiti industri logistik selaras dengan adaptasi teknologi IR4.0 bagi meningkatkan kecekapan operasi, mengurangkan kos perniagaan serta memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada pelanggan.

10. Pihak swasta juga digalakkan meningkatkan penggunaan infrastruktur pengangkutan dalam negara –seperti ECRL yang bakal beroperasi tahun 2027— bagi menjanakan lebih aktiviti ekonomi. Pelabuhan Klang juga turut mendapat manfaat yang mana rangkaian ECRL akan disambung terus ke Northport dan Westports dengan pembinaan landasan khas. Ini adalah tambahan kepada landasan KTMB yang sedia ada dan sekali gus memberi kelebihan dari aspek pengoperasian secara bebas di antara kedua-dua sistem yang akan menyumbang kepada lebih banyak pengendalian kargo. Ianya juga akan membantu usaha kerajaan untuk memindahkan

pergerakan sejumlah kargo berat yang signifikan dari jalanraya ke rel yang seterusnya akan meningkatkan keselamatan jalanraya.

11. Pembangunan fasa dua projek pembesaran terminal kontena Westports Holdings Bhd, atau Westports 2, merupakan satu langkah penting bagi memastikan Malaysia kekal sebagai hab maritim dan logistik global pada masa depan, dengan menggandakan kapasiti pengendalian kontena Pelabuhan Klang kepada 34 juta TEU (berbanding 20 juta TEU yang sedia ada). Pembinaan terminal kontena baharu ini akan memenuhi permintaan masa depan dalam menyokong pertumbuhan perdagangan negara.

Hadirin sekalian,

12. Bagi tahun 2025, MOT juga telah menetapkan beberapa inisiatif strategik, antaranya seperti:

- a. **Pelaksanaan Inisiatif Penghantaran / Pengeluaran Kontena Ke/Dari Pelabuhan Di Luar Waktu Puncak.** Selaras dengan keputusan Mesyuarat Pasukan Petugas Logistik Kebangsaan (NLTF) pada 25 November 2024, inisiatif ini bertujuan untuk mengurangkan kesesakan trafik pada waktu puncak di Pelabuhan Klang dengan menggalakkan peralihan pergerakan trafik dari waktu puncak ke luar waktu puncak. Satu pasukan petugas di bawah Lembaga Pelabuhan Klang (LPK) dan dianggotai oleh pihak-pihak berkepentingan telah dipertanggungjawabkan untuk mengkaji inisiatif ini dan akan mengemukakan laporan kepada Kementerian Pengangkutan pada Mac 2025.
- b. **Pengawalseliaan Kenderaan (Haulier) Membawa Berat Melebihi Had Yang Ditetapkan.** Fokus inisiatif ini adalah terhadap pemantauan dan pengawalan kenderaan (haulier) yang membawa muatan melebihi had yang ditetapkan, dengan tujuan mengurangkan kemalangan dan kerosakan jalan raya. Berdasarkan hasil kajian yang dijalankan oleh Lembaga Pelabuhan Klang dan syor yang dikemukakan, Kementerian Pengangkutan sedang memperincikan kaedah pemantauan dan pengesanan lori-lori yang membawa

muatan yang melebihi had termasuk modaliti penguatkuasaan, di mana keputusan dijangka akan dimaklumkan dalam masa terdekat ini.

c. Menaiktaraf Sistem Vessel Traffic Management System (VTMS) –

Lanjutan dari pertambahan trafik pelabuhan berserta dengan peningkatan saiz kapal, inisiatif ini bertujuan untuk meningkatkan keselamatan pelayaran di persekitaran Pelabuhan Klang serta mengawal kesesakan trafik di kawasan pelabuhan.

Hadirin Sekalian,

13. Pada hari ini, saya juga amat gembira kerana berjaya merealisasikan hasrat Kerajaan membangunkan Sistem Malaysia Maritime Single Window (MMSW) ke seluruh negara. Pembangunan Sistem MMSW adalah arahan yang telah diluluskan oleh kabinet pada tahun 2023 untuk memenuhi keperluan International Maritime Organization (IMO) di mana semua pelabuhan yang terlibat dengan urusan perdagangan antarabangsa perlu menggunakan sistem MMSW sebagai satu sistem berpusat di Malaysia menjelang 1 Januari 2024.

14. Pembangunan sistem MMSW adalah bagi memenuhi keperluan mandatori Convention Facilitation of International Maritime Traffic 1965 (FAL Convention 1965), International Maritime Organization (IMO) yang mewajibkan negara anggota IMO membangunkan Maritime Single Window pada 1 Januari 2024 bagi membolehkan pertukaran maklumat antara kapal dan fasiliti pelabuhan (*ship-shore interface information*) dilakukan secara transaksi elektronik dalam memudahkan serta memperkemaskan urusan perdagangan dan pengangkutan maritim.

15. Lembaga Pelabuhan Kelang telah diberi kepercayaan serta dilantik oleh Kementerian Pengangkutan Malaysia untuk menguruskan pelaksanaan pembangunan MMSW bagi pihak Kerajaan.

16. Lanjutan daripada kerjasama yang baik di antara agensi-agensi yang terlibat termasuk Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Jabatan Imigresen, Jabatan Laut, Pejabat Kesihatan Pelabuhan, Lembaga/Suruhanjaya Pelabuhan dan Jabatan Kimia berserta

dengan kementerian berkaitan, Sistem MMSW telah dilaksanakan sepenuhnya di Pelabuhan Klang pada 10 Jun 2024 merangkumi terminal-terminal utama dan jeti-jeti persendirian. Setakat ini MMSW telah diperluaskan ke pelabuhan-pelabuhan utama Malaysia termasuk Pelabuhan Kuantan, Pelabuhan Kemaman, Pelabuhan Johor, Pelabuhan Pulau Pinang dan Bintulu. Pelaksanaan di pelabuhan-pelabuhan di negeri Sabah dan Sarawak dijangka akan bermula pada Mac 2025.

17. Berdasarkan statistik yang direkodkan oleh sistem MMSW, dari 1 Jun 2024 hingga 31 Disember 2024 sebanyak 10,682 buah kapal telah menggunakan sistem ini bagi semua proses ketibaan dan pelepasan kapal di pelabuhan-pelabuhan seluruh Malaysia. Jumlah ini akan terus meningkat seiring dengan penglibatan pelabuhan-pelabuhan dan jeti-jeti persendirian seluruh negara dari semasa ke semasa.

18. Maklum balas yang diterima mengesahkan sistem MMSW telah berjaya meningkatkan kecekapan proses-proses pelepasan kapal melalui kaedah pendigitalan di samping mengurangkan beban kerja dan birokrasi. Pihak MOT berharap semua pengguna pelabuhan bersama-sama memanfaatkan sistem MMSW. Untuk makluman juga, MOT akan memperluaskan skop MMSW di bawah Fasa ke-2 untuk meliputi proses pengurusan kontena termasuk pengesanan dan pemantauan pergerakan kontena.

Para hadirin sekalian,

19. Saya percaya kejayaan Pelabuhan Klang sebagai hab logistik utama adalah hasil daripada kerjasama semua pihak dan tidak mungkin dikecapi tanpa kerjasama pihak berkepentingan. Izinkan saya menyampaikan setinggi-tinggi penghargaan kepada pemain-pemain industri, syarikat-syarikat perkapalan dan logistik, kementerian-kementerian, agensi-agensi kerajaan dan operator-operator terminal pelabuhan yang telah memainkan peranan penting dalam mewujudkan rangkaian-rangkaian perdagangan serta menghubungkan pihak-pihak yang terlibat dalam rantai pembekalan.

Penutup

20. Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan Selamat Tahun Baru Cina kepada semua yang menyambutnya. Semoga tahun ini membawa harapan baharu, peluang yang lebih baik, dan kejayaan untuk semua. Dengan ini, saya dengan sukacitanya merasmikan Majlis Sambutan Tahun Baru Cina 2025 Peringkat LPK dan melancarkan sistem **MALAYSIA MARITIME SINGLE WINDOW (MMSW)**.

Sekian, terima kasih.